

# NASONEX™

Momentasone Furoate (50mcg/actuation)

## **Apakah yang ada pada risalah ini**

1. Apakah kegunaan NASONEX
2. Bagaimana NASONEX berfungsi
3. Sebelum menggunakan NASONEX
4. Cara menggunakan NASONEX
5. Semasa menggunakan NASONEX
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan NASONEX
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## **Apakah kegunaan NASONEX**

NASONEX Aqueous Nasal Spray mengandungi *mometasone furoate*, iaitu sejenis ubat kortikosteroid.

NASONEX digunakan untuk merawat pesakit dewasa, remaja dan kanak-kanak antara usia 3 hingga 11 tahun yang mengalami simptom demam alergi (juga digelar rinitis alergi bermusim) dan rinitis perenial. Bagi pesakit dewasa dan remaja yang melebihi usia 18 tahun, NASONEX juga digunakan untuk merawat polip hidung. Bagi pesakit yang melebihi usia 12 tahun yang tidak mengalami tanda atau simptom jangkitan bakteria yang teruk, NASONEX digunakan untuk merawat rinosinusitis akut.

## **Apakah demam alergi dan rinitis perenial?**

Demam alergi, yang berlaku pada waktu yang tertentu setiap tahun, ialah tindak balas alergi yang tercetus apabila debunga daripada pokok, rumput, rumpai serta spora daripada kulat dan fungus disedut bersama nafas. Rinitis perenial berlaku sepanjang tahun dan simptomnya boleh disebabkan oleh sensitiviti terhadap pelbagai bahan termasuk tungau habuk di rumah, bulu haiwan, bulu pelepas burung dan sesetengah jenis makanan. Alergi ini menyebabkan pesakit bersin dan berhingus, dan juga menyebabkan bengkak pada lapisan dalam hidung lalu mengakibatkan hidung terasa tersumbat. NASONEX

mengurangkan bengkak dan kerengsaan di dalam hidung dan dengan itu melegakan bersin, gatal-gatal dan hidung yang tersumbat atau berhingus.

## **Apakah polip hidung?**

Polip hidung ialah ketumbuhan kecil pada lapisan dalam hidung dan biasanya menjelaskan kedua-dua lubang hidung. Simptom utama ialah hidung yang terasa tersumbat dan ini mungkin menyukarkan pernafasan melalui hidung. Hidung berhingus, berasa sesuatu mengalir menuruni bahagian belakang tekak dan hilang deria rasa dan bau juga mungkin berlaku. NASONEX mengurangkan radang di dalam hidung lalu mengecutkan polip peralihan-lahan.

## **Apakah rinosinusitis?**

Rinosinusitis ialah keadaan sinus di bahagian belakang hidung yang radang dan tersumbat. Antara simptomnya ialah hidung yang tersumbat atau berhingus, berasa sesuatu mengalir menuruni bahagian belakang tekak, dan tekanan atau rasa sakit pada muka. NASONEX melegakan simptom ini dengan mengurangkan radang di dalam hidung pesakit yang menghidap rinosinusitis akut dan tidak mengalami tanda dan simptom jangkitan bakteria yang teruk.

## **Bagaimana NASONEX berfungsi**

Apabila sedikit *mometasone furoate* disemburkan ke dalam hidung, ubat ini dapat melegakan radang, bersin, gatal-gatal dan hidung yang tersumbat atau berhingus.

## **Sebelum menggunakan NASONEX**

### ***Bila tidak boleh menggunakan***

- jika anda alah (hipersensitif) terhadap *mometasone furoate* atau mana-mana ramuan NASONEX yang lain.
- jika anda ada jangkitan di dalam hidung anda. Anda harus menunggu sehingga jangkitan itu pulih sebelum

anda mula menggunakan semburan hidung.

- jika anda mudah berdarah atau jika hidung anda sering berdarah.
- jika anda baru sahaja menjalani pembedahan hidung atau jika hidung anda tercedera. Anda harus menunggu sehingga hidung anda pulih sebelum anda mula menggunakan semburan hidung.

## **Sebelum mula menggunakan**

Beritahu doktor atau ahli farmasi tentang sebarang masalah kesihatan, seperti

- jika anda menghidap atau pernah menghidap tuberkulosis
- jika anda menghidap jangkitan herpes simpleks (sejenis virus) pada mata
- jika anda menghidap apa-apa jenis jangkitan lain
- jika anda menggunakan ubat kortikosteroid yang lain, sama ada yang dimakan ataupun yang disuntik
- jika anda baru sahaja menjalani pembedahan hidung atau mangalami trauma hidung.

Bincanglah dengan doktor sebelum menggunakan NASONEX.

Jika anda menggunakan ubat kortikosteroid yang lain untuk merawat alergi, sama ada yang dimakan ataupun yang disuntik, doktor mungkin akan menyuruh anda berhenti menggunakan ia apabila anda mula menggunakan NASONEX. Sesetengah orang mungkin mendapat bahawa apabila mereka berhenti memakan atau menerima suntikan kortikosteroid, mereka akan mengalami beberapa kesan yang tidak diingini seperti sengal atau sakit otot, lemah badan dan kemurungan. Sekiranya kesan-kesan ini berlaku, anda harus beritahu doktor untuk mendapatkan nasihat tentang penggunaan semburan hidung ini. Anda juga mungkin mengalami alergi lain, seperti mata yang gatal-gatal dan berair, atau tompok-tompok merah yang gatal pada kulit. Jika anda mengalami mana-mana kesan ini yang membimbangkan anda, jumpalah doktor.

# NASONEX™

Momentasone Furoate (50mcg/actuation)

## **Jika mengambil ubat-ubat lain**

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaran, atau makanan kesihatan.

## **Kehamilan dan menyusukan anak dengan susu badan**

Jangan gunakan NASONEX jika anda hamil kecuali diarahkan oleh doktor. Beritahu doktor bahawa anda hamil sebelum anda menggunakan ubat ini. Jangan susukan anak dengan susu badan semasa anda menggunakan NASONEX kecuali diarahkan oleh doktor.

## **Cara menggunakan NASONEX**

### **Berapa banyak harus digunakan**

Sentiasa gunakan NASONEX tepat-tepat seperti yang diarahkan oleh doktor. Tanyalah doktor atau ahli farmasi jika anda kurang pasti. Jangan gunakan dos yang lebih tinggi dan jangan gunakan semburan ini dengan lebih kerap atau lebih lama daripada yang diarahkan oleh doktor.

### **a) Demam alergi dan rinitis perenial**

#### **Pesakit dewasa dan remaja yang melebihi usia 12 tahun:**

**Dos yang biasanya diberikan ialah dua semburan ke dalam setiap lubang hidung sekali sehari bagi orang dewasa (termasuk warga emas) dan remaja yang melebihi usia 12 tahun.**

- Setelah simptom anda menjadi terkawal, doktor mungkin mengarahkan anda menyembur sekali sahaja ke dalam setiap lubang hidung sekali sehari.
- Jika anda masih tidak berasa lebih baik, anda harus berjumput doktor dan beliau mungkin mengarahkan anda menambahkan dos kepada dos harian yang maksimum, iaitu empat semburan ke dalam setiap lubang hidung sekali sehari. Setelah simptom anda menjadi terkawal,

doktor mungkin mengarahkan anda mengurangkan dos

### **Kanak-kanak antara usia 3 hingga 11 tahun:**

**Dos yang biasanya diberikan ialah satu semburan ke dalam setiap lubang hidung sekali sehari.**

Penggunaan jangka panjang steroid untuk hidung pada dos yang tinggi boleh melambatkan tumbesaran kanak-kanak. Doktor mungkin akan mengukur ketinggian anak anda beberapa kali dalam tempoh rawatan dan mengurangkan dos jika kesan ini diperhatikan.

Jika anda mengalami demam alergi yang teruk, doktor mungkin mengarahkan anda memulakan penggunaan NASONEX dua hingga empat minggu sebelum bermulanya musim debunga, kerana ini dapat mencegah berlakunya simptom demam alergi. Pada hujung musim debunga, simptom demam alergi anda seharusnya pulih dan rawatan mungkin tidak diperlukan lagi.

### **b) Polip hidung**

**Dos yang biasanya diberikan bagi pesakit dewasa dan remaja yang melebihi usia 18 tahun ialah dua semburan ke dalam setiap lubang hidung dua kali sehari.**

- Setelah simptom menjadi terkawal, doktor seharusnya mengarahkan anda mengurangkan dos kepada dua semburan ke dalam setiap lubang hidung sekali sehari.

### **c) Rinosinusitis akut**

**Dos yang biasanya diberikan bagi pesakit dewasa dan remaja yang melebihi usia 12 tahun ialah dua semburan ke dalam setiap lubang hidung dua kali sehari.**

- Jika simptom bertambah teruk semasa rawatan atau tidak ada penambahbaikan selepas 15 hari, anda harus hubungi doktor.

## **Bila perlu digunakan**

Iikut arahan doctor atau ahli farmasi anda.

## **Berapa lama perlu digunakan**

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doctor anda.

## **Bagaimanakah menggunakan NASONEX?**

### **i) Penyediakan semburan hidung sebelum digunakan**

NASONEX Aqueous Nasal Spray dilengkapi dengan penutup yang melindungi muncung penyembur daripada habuk agar sentiasa bersih. Jangan lupa buka penutup itu sebelum menggunakan penyembur dan tutup semula selepas menggunakan.

Pada kali pertama anda menggunakan penyembur, anda perlu ‘menyediakan’ botolnya dengan mengepam penyembur sebanyak 10 kali sehingga kabus yang halus dihasilkan:

1. Goncangkan botol perlahan-lahan dan bukakan penutupnya.
2. Letakkan jari telunjuk dan jari tengah anda di kiri kanan muncung penyembur dan letakkan ibu jari anda pada bahagian bawah botol. **JANGAN TEBUK APLIKATOR HIDUNG.**
3. Halakan muncung penyembur jauh daripada anda dan tekan dengan jari-jari anda untuk mengepam penyembur.

Jika anda tidak menggunakan penyembur selama 14 hari atau lebih, anda perlu ‘menyediakan semula’ botolnya dengan mengepam penyembur sebanyak 2 kali sehingga kabus yang halus terhasil.

### **ii) Cara menggunakan penyembur hidung**

1. Goncangkan botol perlahan-lahan dan bukakan penutupnya. (Rajah 1)

# NASONEX™

Momentasone Furoate (50mcg/actuation)



2. Hembus melalui hidung anda secara perlahan-lahan.
3. Tutup sebelah lubang hidung dan masukkan muncung penyembur ke dalam lubang hidung yang sebelah lagi seperti yang ditunjukkan. (Rajah 2) Tunduk sedikit sambil mengekalkan botol dalam kedudukan menegak.



4. Tarik nafas perlahan-lahan melalui hidung dan sambil menarik nafas, semburkan kabus halus ke dalam hidung anda dengan menekan penyembur SEKALI dengan jari-jari anda.
5. Hembus nafas melalui mulut anda. Ulangi langkah 4 untuk menyedut semburan kedua ke dalam lubang hidung yang sama.
6. Keluarkan muncung penyembur daripada lubang hidung ini dan hembus nafas melalui mulut anda.
7. Ulangi langkah 3 hingga 6 bagi lubang hidung yang sebelah lagi. (Rajah 3)

Selepas menggunakan penyembur, lapkan muncung penyembur perlahan-lahan dengan menggunakan kain atau tisu yang bersih dan tutupkan penyembur dengan penutupnya.

### **iii) Membersihkan penyembur hidung**

Penting bahawa anda selalu membersihkan penyembur hidung anda. Jika tidak, penyembur mungkin tidak berfungsi dengan baik.

1. Tanggalkan penutupnya dan tarik keluar muncung penyembur perlahan-lahan.
2. Basuh muncung penyembur dan penutupnya di dalam air suam, kemudian bilas dengan air paip yang mengalir. **JANGAN CUBA BERSIKHAN APLIKATOR HIDUNG YANG TERSUMBAT DENGAN MEMASUKKAN JARUM ATAU BENDA-BENDA TAJAM YANG LAIN KERANAINI AKAN MEROSAKKAN APLIKATOR DAN DOS UBAT YANG TEPAT TIDAK DAPAT DIBERIKAN.**
3. Biarkan kering di tempat yang sederhana panas.
4. Tekankan muncung penyembur pada botol untuk memasangkannya balik dan tutupkan.

Penyembur perlu disediakan semula dengan 2 semburan pada kali pertama digunakan selepas dibersihkan.

### **Jika terlupa menggunakan**

Jika anda terlupa menggunakan semburan hidung pada waktu yang

sepatutnya, gunakan sebaik sahaja anda ingat, kemudian teruskan seperti biasa.

Jangan guna dua dos untuk menggantikan dos yang terlupa digunakan itu.

### **Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)**

Beritahulah doktor jika anda terlebih menggunakan NASONEX daripada yang diarahkan.

Jika anda menggunakan steroid untuk jangka masa yang panjang atau dalam jumlah yang besar, sesetengah jenis hormon anda boleh terjejas, walaupun ini jarang-jarang sekali berlaku. Bagi kanak-kanak, steroid boleh melambatkan tumbesaran dan perkembangan.

### **Jika anda berhenti menggunakan NASONEX**

Bagi sesetengah pesakit, NASONEX boleh melegakan simptom 12 jam selepas dos pertama. Penting bahawa anda menggunakan semburan hidung anda dengan tetap. Jangan hentikan rawatan anda walaupun anda berasa pulih kecuali diarahkan oleh doktor.

Jika anda masih ragu-ragu mengenai penggunaan produk ini, tanyalah doktor atau ahli farmasi.

### **Semasa menggunakan NASONEX**

Lihat “**Berapa banyak harus digunakan, Bila perlu digunakan, Berapa lama perlu digunakan**”

### **Perkara yang perlu dilakukan**

Beritahulah doktor jika anda hamil atau merancang untuk menjadi hamil.

Beritahulah doktor jika anda merancang atau baru sahaja menjalani pembedahan hidung atau mangalami trauma hidung.

### **Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Ingatlah bahawa doktor telah mempreskripsikan ubat ini untuk

# NASONEX™

Momentasone Furoate (50mcg/actuation)

anda sahaja. Jangan berikan ubat ini kepada orang lain.

NASONEX adalah untuk kegunaan dalam hidung sahaja. Elakkan NASONEX daripada memasuki mata anda. Jangan gunakan NASONEX untuk merawat masalah kesihatan lain selain daripada apa yang dipreskripsi.

### ***Perkara yang perlu diberi perhatian***

Semasa menggunakan NASONEX, jangan berada berhampiran sesiapa yang menghidap campak atau cacar air. Anda harus memberitahu doktor jika anda berjumpa dengan sesiapa yang menghidapnya.

### **Kesan-sesan sampingan**

Sama seperti semua ubat lain, NASONEX boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidaklah semua orang akan mengalaminya.

Tindak balas hipersensitif (alergi) boleh berlaku sejurus selepas produk ini digunakan, namun ini jarang-jarang sekali berlaku. Tindak balas ini mungkin teruk, tetapi ini juga jarang-jarang sekali berlaku. Jika nafas anda berdehit atau jika anda sukar bernafas, dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

Rawatan dengan semburan hidung kortikosteroid seperti NASONEX boleh menyebabkan peningkatan tekanan di dalam mata (glaukoma) lalu mengakibatkan gangguan penglihatan dan kerosakan pada dinding di dalam hidung yang memisahkan kedua-dua lubang hidung, namun ini jarang-jarang sekali berlaku. Hubungilah doktor jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini.

### **Kesan sampingan yang lain**

Kebanyakan pesakit tidak menghadapi apa-apa masalah setelah menggunakan semburan hidung. Walau bagaimanapun, selepas menggunakan NASONEX atau

semburan hidung kortikosteroid yang lain, sebilangan kecil pesakit mungkin mengalami:

- sakit kepala
- bersin
- hidung berdarah
- sakit hidung atau tekak
- perubahan pada deria rasa atau deria bau, tetapi ini jarang-jarang sekali berlaku.

### **Kanak-kanak**

Apabila digunakan untuk jangka masa yang panjang pada dos yang tinggi, semburan hidung kortikosteroid boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan, seperti tumbesaran yang terbantut pada kanak-kanak. Sebaik-baiknya, ketinggian kanak-kanak yang menerima rawatan kortikosteroid hidung untuk jangka masa yang panjang perlu diukur dengan kerap dan jika perubahan dikesan, beritahulah doktor.

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda perhatikan kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI*)

### **Cara penyimpanan dan pelupusan NASONEX**

#### ***Penyimpanan***

- Jauhkan daripada capaian dan pandangan kanak-kanak.
- Simpan semburan hidung di bawah 30°C. Jangan sejuk bekukan.
- Jangan gunakan NASONEX selepas tarikh luputnya yang tertera pada botol dan pada kartonnya selepas EXP. Tarikh luputnya merujuk pada hari terakhir bulan yang dinyatakan itu.

- Setiap botol mestilah digunakan dalam tempoh 2 bulan selepas dibuka. Buka satu botol sahaja pada sesuatu masa.

### ***Pelupusan***

Jangan buang ubat ini bersama-sama air sisa atau sampah dari rumah. Tanyalah ahli farmasi anda tentang cara membuang ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah begini akan membantu memelihara alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### ***Rupa dan warna produk***

NASONEX ialah sejenis semburan akueus untuk hidung. Setiap botol mengandungi 40, 60, 120 atau 140 semburan.

Tidak semua saiz pek mungkin dipasarkan.

#### ***Bahan-bahan kandungan***

- Bahan aktif:  
Bahan aktif ialah *mometasone furoate*. Setiap semburan mengandungi 50 mikrogram *mometasone furoate*, sebagai monohidrat.

#### **• Bahan tidak aktif:**

Bahan-bahannya yang lain ialah celulosa, gliserol, asid sitrik monohidrat, natrium sitrat dihidrat, polisorbat 80, benzalkonium klorida, dan air tulen. Pengawet: benzalkonium klorida 0.2 mg/g.

### ***Nombor MAL***

MAL20001010AZ

### ***Pengilang***

Schering-Plough Labo NV,  
Heist-op-den-Berg, Belgium.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Merck Sharp & Dohme (Malaysia) Sdn. Bhd.  
Lot No. B-22-1 & B-22-2, Level 22  
The Ascent, Paradigm No. 1  
Jalan SS 7/26A, Kelana Jaya  
47301 Petaling Jaya  
Selangor, Malaysia

# NASONEX™

Momentasone Furoate (50mcg/actuation)

---

**Tarikh kemaskini RiMUP**

29/08/17 (versi 052017)

**Nombor Siri**

NPRA (R1/2) 29112017/107